Universiti Teknologi Malaysia
81310 Johor Bahru
Johor, Malaysia
Tel: +607-533 3333

Ruj. Kami : UTM.J.08.01/10.12/21 Jld. 5 (18)
Tarikh : 23 Oktober 2026 / 12 Jamadilawal 1448H

Semua Dekan Fakulti
Semua Pensyarah
Semua Pelajar
Universiti Teknologi Malaysia

YBrs. Prof./ Prof. Madya Dr./ Dr./ Tuan/ Puan/ Saudara/ Saudari,

PEMAKLUMAN PELAKSANAAN SEMULA PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (P&P) SECARA BERSEMUKA MULAI 26 OKTOBER 2026 SUSULAN KEADAAN JEREBU

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Merujuk kepada pemakluman Universiti bertarikh 17 Oktober 2026 dan Pekeliling Pentadbiran UTM Bil. 54/2026 berkaitan langkah perlindungan semasa jerebu, adalah dimaklumkan bahawa **semua aktiviti P&P secara bersemuka akan dilaksanakan semula mulai Isnin, 26 Oktober 2026**, mengikut jadual yang ditetapkan. Pelaksanaan P&P secara dalam talian masih dibenarkan mengikut keperluan, tertakluk kepada penyelarasan pihak fakulti dan pensyarah kursus.

3. Walau bagaimanapun, **semua aktiviti P&P di luar bangunan atau di lapangan adalah tidak dibenarkan** sebagai langkah keselamatan susulan keadaan jerebu. Sekiranya bacaan **Indeks Pencemar Udara (IPU) melebihi 100,** semua warga Universiti hendaklah mengambil langkah berjaga-jaga termasuk memakai pelitup muka apabila berada di luar bangunan, mengehadkan pergerakan di kawasan terbuka serta mematuhi arahan keselamatan yang berkuat kuasa.

4. Semua warga Universiti disarankan untuk memantau bacaan IPU melalui portal rasmi Jabatan Alam Sekitar (JAS) di https://eqms.doe.gov.my/APIMS/main. Sebarang perubahan kepada pelaksanaan P&P akan dimaklumkan melalui saluran rasmi Universiti dari semasa ke semasa.

Kerjasama dan perhatian semua pihak dalam memastikan kelancaran P&P serta keselamatan warga Universiti amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH"

Saya yang menjalankan amanah,

(PROF. TS. DR. INTAN ZAURAH BIINTI MAT DARUS)
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Universiti Teknologi Malaysia

s.k. - Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
- Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
- Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
- Pendaftar UTM
- Ketua Kampus UTM Cawangan Kuala Lumpur
- Ketua Kampus UTM Cawangan Pagoh
- Pegawai-pegawai Kanan/ Dekan/ Pengarah - Naib Canselor
- Semua Dekan Fakulti
- Pengarah-Pengarah Berkaitan

Universiti Teknologi Malaysia
81310 Johor Bahru
Johor, Malaysia
Tel: +607-533 3333

Our Ref.: UTM.J.08.01/10.12/21 Jld. 5 (18)
Date: 23th October 2026

All Faculty Deans
All Academic Staff
All Students
Universiti Teknologi Malaysia

Dear Prof./ Assoc. Prof./ Dr./ Sir/ Madam/ Students,

NOTIFICATION ON THE RESUMPTION OF FACE-TO-FACE TEACHING AND LEARNING (T&L) ACTIVITIES EFFECTIVE 26 OCTOBER 2026 FOLLOWING HAZE CONDITIONS*

With reference to the above matter.

2. Further to the University's notification dated 17 October 2026 and UTM Administrative Circular No. 54/2026 concerning protective measures during haze conditions, please be informed that **all face-to-face Teaching and Learning (T&L) activities will resume effective Monday, 26 October 2026**, in accordance with the established teaching timetable. Online T&L activities may still be conducted where necessary, subject to coordination by the respective faculties and course lecturers.

3. However, **all outdoor and field-based T&L activities are prohibited** as a precautionary measure due to the haze conditions. **Should the Air Pollutant Index (API) exceed 100,** all members of the University community must take appropriate precautions, including wearing face masks when outdoors, minimising outdoor exposure and complying with the prevailing safety directives.

4. All members of the University community are advised to regularly monitor the API readings through the official Department of Environment (DOE) portal at https://eqms.doe.gov.my/APIMS/main. Any changes to the implementation of T&L activities will be communicated through the University's official channels as necessary.

Your cooperation in ensuring the smooth implementation of T&L activities and safeguarding the well-being of the University community is greatly appreciated.

Thank you.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

I, who uphold trust,

(PROF. TS. DR. INTAN ZAURAH BINTI MAT DARUS)
Deputy Vice-Chancellor (Academic and International)
Universiti Teknologi Malaysia

c.c.
- Vice-Chancellor
- Deputy Vice-Chancellor (Research and Innovation)
- Deputy Vice-Chancellor (Student Affairs and Alumni)
- Deputy Vice-Chancellor (Development)
- Registrar, UTM
- Campus Director, UTM Kuala Lumpur
- Campus Director, UTM Pagoh
- Senior Officers/Deans/Directors – Office of the Vice-Chancellor
- All Faculty Deans
- Relevant Directors